



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 3 November 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Cubaan seludup 10,000 liter diesel gagal

Bukit Kayu Hitam: Cubaan menyeludup 10,000 liter minyak diesel bernilai RM30,000 ke negara jiran menggunakan lori rigid am gagal apabila bahan bakar itu berjaya dirampas Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS), Jumaat lalu.

Komander AKPS Bukit Kayu Hitam, Senior Asisten

Komisioner Mohd Nasaruddin M Nasir berkata, kenderaan itu ditahan di Blok A, Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) pada jam 10.45 malam.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan ke atas lori berkenaan mendapati terdapat pengubah suaian pada bahagian bawah kenderaan

yang digunakan untuk menyembunyikan minyak diesel.

"Dianggarkan sebanyak 10,000 liter minyak diesel ditemui hasil pemeriksaan yang dilakukan.

"Siasatan awal mendapati cubaan ini melanggar peruntukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1960 (Akta 122) dan Seksyen 21(1)

kerana mengendalikan barang kawalan tanpa kebenaran.

"Minyak diesel adalah barang kawalan di bawah Perintah Kawalan Bekalan 1974, dan mana-mana pihak yang mengangkut atau menyeludup diesel tanpa kebenaran dianggap melakukan kesalahan di bawah undang-undang berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Nasaruddin berkata, modus operandi suspek adalah dengan menggunakan lori kargo rigid am yang diubah suai bagi mengaburi pihak berkuasa ketika pemeriksaan dijalankan.

Katanya, kes berkenaan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Kedah untuk tindakan lanjut.

"Minyak diesel itu kemudian dirampas, manakala lori berkenaan turut disita bagi membantu siasatan.

"Jumlah keseluruhan rampasan termasuk minyak diesel ialah RM110,000," katanya.



LORI rigid am yang ditahan kerana disyaki digunakan untuk menyeludup minyak diesel.

AKPS gagal cubaan seludup 10,000 liter diesel dalam lori diubah suai

Bukit Kayu Hitam: Agensi Kawalan dan Perlindungan Semipadan (AKPS) menggagalkan cubaan menyeludup 10,000 liter diesel bernilai RM30,000 ke negara jiran menggunakan lori, pada Jumaat lalu.

Komander AKPS Bukit Kayu Hitam, Senior Asisten Komisyoner Mohd Nasaruddin M Nasir, berkata kenderaan itu ditahan di Blok A, Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) pada jam 10.45 malam.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan ke atas lori itu mendapati terdapat pengubahsuaian pada bahagian bawah kenderaan digunakan untuk menyembunyikan minyak diesel.

"Dianggarkan 10,000 liter minyak diesel ditemui hasil pemeriksaan yang dilakukan.

"Siasatan awal mendapati cubaan ini melanggar peruntukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1960 (Akta 122) dan Seksyen 21(1) kerana mengendalikan barang kawalan tanpa kebenaran.

"Minyak diesel adalah ba-

rang kawalan di bawah Perintah Kawalan Bekalan 1974, dan mana-mana pihak yang mengangkut atau menyeludup diesel tanpa kebenaran dianggap melakukan kesalahan di bawah undang-undang berkenaan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd Nasaruddin berkata, modus operandi suspek adalah dengan menggunakan lori kargo rigid am yang diubah suai bagi mengaburi pihak berkuasa ketika pemeriksaan dijalankan.

Katanya, kes berkenaan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Kedah untuk tindakan lanjut.

"Minyak diesel itu kemudian dirampas, manakala lori kargo rigid am berkenaan turut disita bagi membantu siasatan.

"Anggaran nilai rampasan minyak diesel RM30,000 (berdasarkan harga pasaran semasa) manakala lori kargo rigid am bernilai RM80,000

"Jumlah keseluruhan rampasan termasuk minyak diesel RM110,000," katanya.



Lori kargo rigid am yang diubah suai bagi mengaburi pihak berkuasa ketika pemeriksaan dijalankan. (Foto ihsan AKPS)



RAKYAT dapat berjimat sehingga RM800 juta sebulan melalui pelaksanaan Budi95 sejak 30 September lalu. – GAMBAR HIASAN

Perbetulkan segala isu di sebalik Budi95

SAUDARA PENGARANG,

SEBULAN lamanya pihak berkuasa memantau isu berkaitan Budi95. Isu yang berlegar ketika ini ialah mengenai pengguna menerima RON95 dengan kuantiti dan kualiti diragui selepas membelinya di stesen minyak.

Setakat kelmarin, bukan satu tetapi enam aduan yang diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup mengenai hal itu.

Pihak berkuasa perlu menyelesaikan dengan segera isu itu supaya ia tidak menjadi modal politik sesetengah pihak terhadap usaha baik yang dijalankan kerajaan.

Umum mengetahui ia dilakukan bagi mengekang ketirisan dan memaksa orang

luar yang menggunakan nombor pendaftaran asing membeli RON95 pada harga lebih mahal.

Jangan jadi seperti Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan sebelum ini. Ia terkubur di tengah jalan dan mendapat kritikan pelbagai pihak ekoran kegagalan penyaluran maklumat yang tepat dan tuntas.

Subsidi bersasar ke atas RON95 dilihat cukup berkesan apabila rakyat dapat berjimat RM800 juta sebulan melalui kuota 300 liter pada harga RM1.99.

Lindungi hak pengguna dan kenakan hukuman tegas serta berat kepada mereka yang mengambil kesempatan.

PENGUNA RON95
Kuala Lumpur

Targeted fuel subsidy move proves to be boon for M'sians

Over 1.33b litres of RON95 petrol worth RM2.66b bought between Sept 30 and Oct 31 by 13 million motorists

BY HARITH KAMAL
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Budi95 petrol subsidy initiative, which was rolled out a month ago, is proving to be a boon to Malaysians.

According to the Finance Ministry, 13.1 million Malaysians benefitted from the subsidy between Sept 30 and Oct 31, purchasing 1.33 billion litres of RON95 petrol worth RM2.66 billion.

The government provided about RM800 million in subsidies during

the period to ease the cost-of-living burden of Malaysians.

Muhammad Ryan Haizar, 26, said the subsidy had helped him better manage the cost of frequent long-distance travel for work and personal trips.

The project coordinator said he often drives to northern states for assignments and makes weekly trips to Malacca.

He added that petrol used to consume a significant portion of his monthly budget.

"I would say the Budi95 subsidy is

decent. In one month, I've used almost 75% of the 300 litres allocated. Three hundred litres sounds like a lot but when you're driving hundreds of kilometres every week, the amount runs out quickly.

He said vehicle type plays a big role in how far the subsidy stretches.

"I drive an old car, so it's not very fuel-efficient. Even with subsidised petrol, I find myself refuelling often. Imagine if I have to do four interstate trips."

For part-time e-hailing driver Ahmad Farhan Rosli, 32, the subsidy has had a smaller personal impact.

Driving mostly on weekends and after work, he said he had not noticed a major difference in his expenses.

He said full-time drivers have, however, benefited significantly.

"From what I hear, full-time drivers are split 50-50 on it. The

separate 600-litre allocation for e-hailing drivers is a fair move but some say it's still not enough.

"The allocation is good but I think it could be slightly higher. Still, it's positive that the government recognised the difference instead of treating everyone the same."


He added that overall, Budi95 remains a helpful initiative.

Motorcyclist Hafiz Rahman, 28, said the subsidy has made a noticeable difference to his commuting costs from Rawang to Damansara for work each day.

He said the savings allowed him to stretch his monthly budget further.


Hafiz added that while Budi95 has eased fuel costs, he has to cope with other rising expenses.

"Petrol might be a bit cheaper now but food and rent keep going up. It's still a struggle to balance everything."



The government has provided about RM800 million in subsidies to ease the cost-of-living burden of Malaysians over a month-long period.

— SYED AZAHAR
SYED OSMAN
/THESUN



• TUJUAN utama tarif adalah melindungi industri tempatan daripada persaingan luar.

PANDUAN TARIF UNTUK PENIAGA

Oleh **ZAKKINA WATI**
AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@medianulla.com.my

TARIF ialah cukai atau duti yang dikenakan oleh kerajaan terhadap barangan yang diimport atau dieksport.

Tujuan utama tarif adalah melindungi industri tempatan daripada persaingan luar, menjaga hasil kerajaan dan mengawal imbalan perdagangan negara.

Terdapat empat jenis tarif utama yang dikenakan ke atas barangan dagangan di Malaysia bagi tujuan kawalan perdagangan, perlindungan industri tempatan serta penjanaan hasil negara.

Menurut Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), tarif tersebut terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais dan cukai jualan (SST).

Duti import merujuk kepada cukai yang dikenakan ke atas barangan yang dibawa masuk ke Malaysia, manakala duti eksport pula melibatkan cukai ke atas barangan yang dieksport ke luar negara, khususnya bagi komoditi seperti minyak sawit, getah dan mineral.

"LANGKAH MENGENAKAN PELBAGAI BENTUK TARIF INI BERTUJUAN MEMASTIKAN STRUKTUR PERDAGANGAN MALAYSIA KEKAL SEIMBANG, DI SAMPING MELINDUNGI KEPENTINGAN INDUSTRI STRATEGIK DAN MENGEKALKAN DAYA SAING EKONOMI NASIONAL."

Sementara itu, duti eksais ialah cukai yang dikenakan ke atas barangan tempatan atau import yang mempunyai kesan

sosial atau alam sekitar, termasuk rokok, minuman keras dan kenderaan bermotor.

Dalam masa yang sama, Cukai Jualan (SST) pula dikenakan ke atas pengilang tempatan serta barangan import yang dijual di pasaran domestik, sebagai sebahagian daripada sistem percukaian tidak langsung negara.

Langkah mengenakan pelbagai bentuk tarif ini bertujuan memastikan struktur perdagangan Malaysia kekal seimbang, di samping melindungi kepentingan industri strategik dan mengekalkan daya saing ekonomi nasional.

CARA SEMAK TARIF BARANGAN

Peniaga boleh menyemak kadar tarif rasmi melalui Sistem Tarif Kastam Malaysia (HS Code) di portal rasmi: <https://tariff.customs.gov.my>

Caranya masukkan nama produk atau kod HS (Harmonised System). Lihat kadar duti import/eksport dan syarat khas (contohnya di FTA).

KELEBIHAN FTA KEUTAMAAN

Malaysia mempunyai perjanjian

perdagangan bebas (FTA) dengan negara tertentu (contohnya ASEAN, China, Jepun, Amerika Syarikat), peniaga boleh menikmati pengecualian atau pengurangan tarif dengan syarat seperti produk memenuhi syarat *Rules of Origin* (ROO) dan peniaga mengemukakan sijil asal semasa eksport atau import.

Langkah penting untuk peniaga kenal pasti kod HS produk anda (boleh rujuk Kastam).

Antaranya semak kadar tarif import/eksport mengikut negara destinasi, sediakan dokumen lengkap (invoice, senarai barangan, borang kastam, sijil asal), gunakan FTA untuk menikmati pengecualian tarif jika layak.

Selain itu, rancang harga dan margin jualan dengan mengambil kira kadar tarif semasa.

BANTUAN DAN RUJUKAN

Peniaga boleh mendapatkan maklumat dan panduan lanjut daripada JKDM di <https://www.customs.gov.my>.

Selain itu, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) di <https://www.matrede.gov.my> dan Kementerian Pelaburan, Per-

dagangan dan Industri (MITI) mengenai maklumat FTA dan peraturan perdagangan.

PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

Peniaga dan pengeksport tempatan diingatkan supaya mengekalkan standard kualiti, pembungkusan dan pelabelan yang menepati piawaian pasaran AS bagi mengelakkan produk mereka berdepan sekatan bukan tarif ketika memasuki pasaran tersebut.

Sekatan bukan tarif merujuk kepada halangan perdagangan yang tidak melibatkan cukai atau duti import, tetapi berbentuk peraturan teknikal, piawaian keselamatan, keperluan kesihatan, serta keperluan pelabelan dan dokumentasi yang ketat.

Dalam konteks ini, peniaga perlu memastikan setiap produk mematuhi spesifikasi kualiti dan keselamatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa AS, termasuk Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) bagi produk makanan dan kosmetik, serta Suruhanjaya Keselamatan Produk Pengguna (CPSC) bagi barangan elektrik dan pengguna.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 3 NOVEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
3-Oct	KPDN siasat dakwaan 'lambakan' minyak masak, RON95 di Sg Golok	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/31/kpdn-siasat-dakwa-lambakan-minyak-masak-ron95-di-sg-golok	FMT
3-Oct	Govt to probe claims subsidised cooking oil, RON95 sold freely in Thailand	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/31/govt-to-probe-claims-of-subsidised-cooking-oil-ron95-sold-freely-in-southern-thailand	FMT
3-Oct	KPDN Labuan keluarkan notis premis bakeri gagal patuhi peraturan pelebelan produk makanan	https://www.borneodailybulletin.com/kpdn-labuan-keluarkan-notis-premis-bakeri-gagal-patuhi-peraturan-pelebelan-produk-makanan/	BORNEO DAILY
3-Oct	KPDN Labuan keluarkan notis bakeri gagal patuh peraturan pelebelan	https://sabahmedia.com/2025/10/31/kpdn-labuan-keluarkan-notis-bakeri-gagal-patuhi-peraturan-pelebelan/	SABAH MEDIA
3-Oct	Produk JER tawar penjimatan hingga 50 peratus, lima juta rakyat nikmati manfaat	https://mediaselangor.com/ms/2025/10/328093/produk-jer-tawar-penjimatan-hingga-50-peratus-lima-juta-rakyat-nikmati-manfaat	MEDIA SELANGOR
3-Oct	Tak boleh nak heret satu 'family' beli minyak, wanita kongsi pengalaman guna eCOSS	https://www.malaysiadateline.com/tak-boleh-heret-satu-family-beli-minyak-wanita-kongsi-pengalaman-guna-ecoss/	MALAYSIA DATELINE
3-Oct	KPDN Siasat Dakwaan Salah Laku Jualan RON95, Sahkan Tiada Pelanggaran Undang-Undang Dikesan	https://sabahnews.com.my/kpdn-siasat-dakwa-salah-laku-jualan-ron95-sahkan-tiada-pelanggaran-undang-undang-dikesan/	SABAH NEWS